

SIARAN AKHBAR

TH BUAT LAPORAN POLIS DAN MINTA BUKTI PINJAMAN BANK

KUALA LUMPUR, 28 Februari 2016 – Lembaga Tabung Haji (**TH**) hari ini sekali lagi menafikan tuduhan **TH** memberi jaminan korporat (*corporate guarantee*) kepada syarikat bersekutunya, TH Heavy Engineering Berhad (THHE).

TH meminta Ahli Parlimen Pandan untuk menamakan bank yang memberikan pinjaman kepada THHE dengan surat jaminan korporat **TH** seperti yang didakwa.

TH amat kesal dengan penyebaran dokumen-dokumen melalui laman sosial secara rambang dan tuduhan tidak berasas serta berunsur fitnah. Dakwaan tersebut memberi impak negatif kepada **TH** dan akan menjejaskan kepentingan para pen depositnya.

Oleh yang demikian, **TH** telah membuat laporan polis terhadap Ahli Parlimen Pandan berkaitan dakwaan-dakwaan dan dokumen-dokumen yang telah disebar oleh beliau.

Langkah ini diambil oleh **TH** bagi menjaga kepentingan para pen deposit dan reputasi **TH** sebagai sebuah Institusi Islam di Malaysia. **TH** akan bekerjasama dengan pihak berkuasa bagi menjalankan siasatan secepat mungkin.

**Bahagian Hal Ehwal Awam Dan Komunikasi Korporat
LEMBAGA TABUNG HAJI**

-Tamat-

Lembaga Tabung Haji

Lembaga Tabung Haji (**TH**) adalah sebuah badan berkanun yang diperbadankan di bawah Akta Lembaga Tabung Haji, 1995 (Akta 535). Aktiviti utama **TH** adalah dalam pengurusan haji, tabungan dan pelaburan. Antara sektor pelaburan terasnya adalah kewangan Islam, perladangan, hartanah, pembinaan, teknologi maklumat, minyak & gas dan hospitaliti. **TH** mempunyai 122 buah cawangan di seluruh negara dan satu cawangan di Jeddah, Arab Saudi. Untuk maklumat lebih lanjut mengenai perkhidmatan Tabung Haji, sila lawati www.tabunghaji.gov.my atau hubungi Tabung Haji Contact Centre ditalian 03-6207 1919.

Untuk keterangan lanjut mengenai siaran akhbar ini, sila hubungi:

<p>Mohamad Zakee Mohd Zaludin Eksekutif, Perhubungan Media Bahagian Hal Ehwal Awam dan Komunikasi Korporat Kumpulan Lantai 16, Bangunan Tabung Haji 201 Jalan Tun Razak Kuala Lumpur Tel: 03 2054 2238 Tel. Bimbit: 018-2633270 Faks: 03 2164 0436 Email: zakee@lth.gov.my</p>	<p>Mohamad Naser Jaffar Pengurus Kanan Bahagian Hal Ehwal Awam dan Komunikasi Korporat Kumpulan Lantai 16, Bangunan Tabung Haji 201 Jalan Tun Razak Kuala Lumpur Tel: 03 2054 2451 Tel. Bimbit: 019-2008438 Faks: 03 2164 0436 Email: naser@lth.gov.my</p>
---	---